

STAR fokus perluas Projek Bitara MADANI

Kuala Lumpur: Majlis Tindakan Malaysia MADANI (MTMM) bersejua supaya Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) melaksana dan memperluas Projek Bitara MADANI dengan segera, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ini termasuk memberi fokus kepada penyelesaian terhadap kesulitan dan masalah dihadapi rakyat.

Beliau berkata, tindakan ini bukti kerajaan komited dalam meningkatkan kualiti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kemudahan menjalankan perniagaan.

“MTMM sudah memberi tumpuan kepada dua projek baharu Bitara MADANI iaitu usaha menaik taraf fasiliti daif di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) dan memperluas pelaksanaan Gerai MADANI.

“Di bawah projek menaik taraf fasiliti, kerajaan sedang mengambil langkah segera bagi menambah baik 436 fasiliti dan klinik kesihatan di bawah KKM dengan sasaran kesemua fasiliti akan memasuki peringkat pelaksanaan menjelang akhir 2023.

“Bagi memperluas pelaksanaan Gerai MADANI, kaedah penambahbaikan yang digunakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan dilaksanakan untuk menaik taraf 20 medan selera di bawah PBT terpilih,” katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Ubah penampilan, bersih

Anwar berkata, penambahbaikan yang dilaksanakan itu akan mengubah penampilan dan kemudahan supaya lebih bersih dan indah demi kesejahteraan rakyat.

“Projek Bitara MADANI sentiasa mendukung rukun Malaysia MADANI dan menggunakan pendekatan ‘The Whole of Government’ di mana ketua projek terdiri daripada kalangan pegawai kanan Perkhidmatan Awam di kementerian/jabatan yang berbeza dengan kementerian/jabatan yang bertanggungjawab terhadap projek yang dikenal pasti.

“Ini bagi memastikan pelaksanaan projek Bitara MADANI dinilai daripada perspektif berbeza dan menyeluruh,” katanya.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali sebelum ini berkata program dan inisiatif bitara Malaysia MADANI kini melaksanakan pelbagai usaha memberi kesejahteraan kepada orang ramai seperti mengurangkan kesesakan di hospital, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) serta pembangunan sekolah daif di seluruh negara.